

325

SOALAN NO: 528

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

**PERTANYAAN :** BERTULIS

**DARIPADA :** PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
(AMPANG)

**SOALAN :** 528

Puan Zuraida Binti Kamaruddin [ Ampang ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah ada usaha untuk bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi membantu masalah '*post-natal depression*' di kalangan wanita.

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2016 menunjukkan 12.7% wanita dalam lingkungan umur 15-49 tahun adalah positif *postnatal depression* menggunakan kaedah saringan *Edinburgh Postnatal Depression Score (EPDS)*. Ini bermakna 1 dalam 8 wanita di Malaysia dalam lingkungan umur tersebut mengalami masalah *postnatal depression*.

Langkah sedia ada dalam menangani *postnatal depression* ialah berfokuskan kepada aktiviti promosi untuk meningkatkan kesedaran anggota kesihatan berkaitan kesihatan mental ibu dan pengesahan awal ibu yang berisiko tinggi untuk mengalami gangguan mental termasuk kemurungan selepas bersalin bagi membolehkan